

Watak ustaz dalam filem seram didik masyarakat

Presiden PFM tak anggap babak halau hantu perkecil ahli agama

Oleh Shaarani Ismail
shaarani@bharian.com.my

KUALA LUMPUR: Watak ahli agama yang ditonjolkan dalam filem dan drama bergenre seram sebenarnya mempunyai nilai dalam mendidik masyarakat, selain mengiktiraf peranan dimainkan mereka dalam kehidupan bermasyarakat dan tidak diletakkan dalam skop sempit.

Presiden Persatuan Pengeuar Filem Malaysia (PFM), Ahmad Puad Onah, menjelaskan watak itu diketengahkan mengikut jalan cerita yang ditetapkan dan sudah tentu dalam membuat filem seram, watak dilakonkan perlu mengikut jalan cerita tertentu bagi memastikan ia bersesuaian dengan skrip.

“Penerbit filem menerbitkan filem yang memang genre ditetapkan adalah seram dan ia bukan filem mengenai

kisah hidup ahli agama. Watak ustaz diwujudkan bagi memberikan moral atau nasihat kepada penonton yang menonton filem berkenaan.

“Banyak perkara perlu diambil kira termasuk jalan cerita, pandangan dan perbincangan tokoh agama termasuk mendapatkan nasihat daripada JAKIM (Jabatan Kemajuan Islam Malaysia) bagi memastikan filem diterbitkan tidak lari daripada landasan ditetapkan.

“Kalau orang agama tidak ditonjolkan dan dirujuk dalam filem, siapa lagi yang boleh dijadikan rujukan?,” katanya ketika dihubungi semalam.

Beliau mengulas laporan akhbar semalam mengenai saranan Pensyarah Pusat Islam, Universiti Putra Malaysia (UPM) Mohd Azahari Yusuf mengenai peranan dan watak ustaz yang sering kali dipaparkan di televisyen se-

bagai tukang halau hantu dan jin.

Mohd Azahari dipetik sebagai berkata, walaupun perkara itu bagi sesetengah orang adalah remeh, di kalangan pendakwah, watak ustaz seperti itu disalah guna dan fungsi sedemikian perlu diperbetulkan.

“Pengusaha drama dan filem sepatutnya tidak me-

nyempitkan peranan ahli agama kerana peranan mereka adalah lebih luas, terutama dalam bertindak sebagai pendakwah dalam mengajak umat Islam melakukan kebaikan di muka bumi,” katanya.

Sementara itu Pengarah Institut Sosial Malaysia (ISM), Prof Madya Dr Mohamed Fadzil Che Din berkata, pendedahan berterusan masyarakat terhadap filem atau cerita genre seram yang ketika ini dilihat begitu keterlaluan, boleh memberikan kesan buruk terhadap struktur sosial masyarakat.

Katanya, kebelakangan ini elemen dan genre seram dalam filem dan drama dilihat sudah semakin kronik serta keterlaluan dengan setiap stesen televisyen berlumba-lumba menerbitkan genre berkenaan berikutan minat dan selera penonton serta rating agak tinggi.

“Kalau orang agama tidak ditonjolkan dan dirujuk dalam filem, siapa lagi yang boleh dijadikan rujukan?”

Ahmad Puad Onah
Presiden Persatuan
Pengeuar Filem Malaysia